

Publication : Majalah PC
 Title : Rakan HP OpenCall
 Date : March Issue 2004
 Page : 5



Encik T.F Chong, Pengarah Urusan HP Sales (Malaysia) Sdn Bhd (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dato'Goh Kian Seng, Pengarah Urusan NGC Systems Sdn Bhd.



Encik T.F Chong, Pengarah Urusan HP Sales (Malaysia) Sdn Bhd (tiga dari kiri) dan Dato'Goh Kian Seng sedang menandatangani MOU sebagai rakan HP OpenCall.

NGC Systems Sdn Bhd, sebuah syarikat yang pakar dalam pembangunan Rangkaian Generasi Baru (Next Generation Network – NGN) telah menyertai program rakan Pengawal Perkhidmatan OpenCall (OpenCall Service Controller) Hewlett Packard Asia Pasifik. NGC Systems adalah merupakan syarikat pertama dari Malaysia yang menjadi rakan untuk ruang kepakaran paket data.

Perisian yang dihasilkan adalah NGC Genico™ yang terdapat dalam enam kategori R&D iaitu Enhanced Voice, Intelligent Network, Next Generation Network (NGN), Messaging, Voice over Packet (VoP) dan Intelligent Network Prepaid. Namun begitu dalam rakan OpenCall ini NGC Systems hanya menjadi rakan HP untuk NGN dan VoP sahaja.

NGC Genico™ yang dibangunkan oleh syarikat tempatan ini merupakan sebuah perisian yang canggih dan mampu menjadi produk untuk eksport. Ia mampu mengabungkan dalam suara dan multimedia dalam sebuah modul yang mudah guan dan murah. Dengan cara ini, teknologi yang telah dibangunkan ini akan memudahkan sesebuah syarikat berkomunikasi dengan lebih berkesan.